

Tingkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran berbahasa Melayu

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Ogos. - Antara cara terbaik untuk memperkasa Bahasa Melayu ialah dengan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berbahasa Melayu itu sendiri.

Kita tidak seharusnya berpuas hati setakat mengamalkannya sahaja, tetapi kita juga harus mempunyai jiwa yang besar dan semangat kecintaan yang luhur terhadap Bahasa Melayu supaya kita berupaya menjadikannya sebagai bahasa tradisi keilmuan, bahasa jati diri, bahasa peradaban, dan diletakkan sebagai bahasa yang digunakan dalam segenap bidang.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menegaskan perkara itu pada Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2018 di Dewan Tarbiyyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), hari ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam mendukung hasrat tersebut kumpulan penutur Bahasa Melayu perlu dipupuk seperti ahli perniagaan, golongan profesional, para belia, para cendekia, mahasiswa dan mahasiswi serta pelajar, termasuk mereka yang dalam industri kreatif yang memiliki pengaruh besar terhadap masyarakat untuk mengembangkannya Bahasa Melayu dalam landasan masing-masing.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menyeru kepada orang ramai untuk berusaha agar mencintai bahasa rasmi negara kita, selain bukan hanya sekadar 'akun-akunan' (pemisal mulut) atau hanya sebagai asal tahu bercakap melayu atau sebagai persyaratan lulus peperiksaan dan temu duga pekerjaan sahaja.

"Tetapi mestilah kerap digunakan khususnya dalam bentuk rasmi seperti persuratan rasmi, pendidikan, perniagaan dan sebagainya dengan berlandaskan kesantunan dan peraturan Bahasa



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyampaikan penghargaan kepada Duta Bahasa 2018, Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat melancarkan Buku Bahasa Melayu Pelancong dan Siri Penyelidikan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam Fasa Ke-2, Edisi Ke-3.

Melayu tinggi, kerana peraturan ini juga memberikan indikasi bahawa kita adalah masyarakat yang mempunyai daya intelek dan tamadun yang tinggi," ujar Yang Berhormat selaku tetamu kehormat.

Di samping itu, Yang Berhormat juga berharap agar masyarakat di luar sana sentiasa berhati-hati apabila memilih atau menggunakan perkataan sebelum berhadapan dengan bahasa, baik dari segi peraturannya mahupun tulisan dan lebih-lebih lagi apabila dipaparkan seperti papan tanda dan iklan.

Yang Berhormat seterusnya menyarankan jika terdapat sebarang keraguan mengenai Bahasa, bertanyalah kepada ahli dan pakarnya supaya apa yang kita hasratkan supaya apa yang kita lakukan mencapai objektifnya dengan penggunaan Bahasa Melayu yang betul dan benar.

Antara aturcara yang berlangsung pada Majlis Sambutan Bulan Bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pagi tadi ialah pembacaan lkrar Bahasa oleh Kadet Tentera Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; persembahan Deklamasi Sajak 'Masihkah Kalian Ingat Karya Sariani HI; Syarahan Bahasa mengenai 'Bahasa Melayu Bahasa Kita' yang disampaikan oleh Pensyarah Institut Pendidikan Sultan Hassanali Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Aliamat

bin Omar Ali dan persembahan Baca Naskhah (Cerpen).

Pada majlis itu juga, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyempurnakan penyampaian penghargaan kepada Duta Bahasa 2018 yang dinobatkan kepada Awang Haji Abdul Rashid bin Awang Haji Damit.

Beliau merupakan lulusan Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Sarjana Pengajian Islam dari University of Melbourne, Australia dan salah seorang pegawai kerajaan di bawah inisiatif Young Executive Programme, Civil Service Leadership Pipeline, kelolaan Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dan kini beliau bertugas di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan sebagai Setiausaha Kedua.

Duta Bahasa dipilih berperanan dalam sama-sama melindungi, memperkasa dan mengembangkan Bahasa Melayu dan kepentingannya di mana sahaja ia berada, baik dalam negara mahupun di luar negara.

Selain itu, Duta Bahasa juga akan sentiasa menjalin kerjasama erat dengan DBP sebagai rakan kongsi pintar (*smart partnership*) terutama dalam menimbulkan kesedaran dalam kalangan



generasi baharu tentang kepentingan Bahasa Melayu.

Seterusnya, Yang Berhormat juga turut menyempurnakan beberapa penyampaian cenderamata dan hadiah-hadiah kepada hakim-hakim peraduan, pemenang-pemenang Peraduan Menulis Esei Ilmiah Bahasa, 2017; Peraduan Menulis Cerpen dan Kritikan Sastera Bahana DBP, 2017; Peraduan Menulis Rencana Umum Beriga, 2017, pelajar cemerlang dalam Mata Pelajaran Bahasa dan Melayu dan Kesusasteraan Melayu bagi peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan 'A'.

Di samping itu, Yang Berhormat juga berkesempatan melawat Pameran Mini dan seterusnya melancarkan Buku Bahasa Mudah Pelancong dan Siri Penyelidikan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam Fasa Ke-2, Edisi Ke-3.

Hadir sama di majlis itu tadi, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



YANG Berhormat Kebudayaan, Belia dan Sukan menyaksikan pameran mini Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2018 di Dewan Tarbiyyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Perbadanan TAIB adakan solat hajat



BACAAN Surah Yaa Siin dan Doa Selamat sejeurus selepas Solat Sunat Hajat bagi jemaah haji yang menunaikan ibadah haji oleh Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Siaran Akhbar dan Foto :
Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Ogos. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd. telah mengadakan Solat Sunat Hajat bagi jemaah haji yang menunaikan ibadah haji.

Majlis diadakan bagi memohon keberkatan bagi keluarga dan sahabat warga Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya yang dalam perjalanan ke Padang Arafah bagi menunaikan ukuf di Arafah sebagai rukun wajib

ibadah haji.

Majlis yang berlangsung di Surau Airport Mall di Berakas dimulakan dengan Solat Maghrib berjemaah diikuti dengan Solat Sunat Hajat dan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Selamat.

Hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Hajah Noorrafidah binti Sulaiman.

Turut hadir ialah jawatankuasa pengurusan, ketua-ketua jabatan dan pegawai Perbadanan TAIB, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.